

14/02/2000

Camdessus mahu peraturan lindungi sistem kewangan dirangka

Manja Ismail in Bangkok

BANGKOK, Ahad - Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang akan bersara, Michel Camdessus berkata satu rangka kerja dan peraturan akan diperkenalkan bagi melindungi sistem kewangan antarabangsa.

Pada masa yang sama, katanya, negara-negara juga perlu dibantu supaya mengambil pendekatan tersusun ke arah liberalisasi supaya turun naik keterlaluan nilai mata wang yang menyerang Asia dapat dielakkan.

Katanya, langkah itu sama seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) - yang menyediakan rangka kerja dan peraturan untuk liberalisasi perdagangan.

"Disebabkan mandat utama IMF termasuk melakukan liberalisasi pembayaran, proses liberalisasi pergerakan modal juga memerlukan satu rangka kerja dan peraturan," katanya.

Camdessus, yang akan bersara mulai lusa, menyampaikan ucapan bertajuk 'Globalisasi dan Pengurangan Kemiskinan: Satu Pendekatan Pelbagai Hala' di sidang pleno sesi ke-10 Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan di sini hari ini.

Sejak Asia mengalami krisis kewangan tiga tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa kali menyuarakan cadangan perlunya ada peraturan dalam perdagangan mata wang, bagi melindungi sistem kewangan antarabangsa dan ekonomi negara membangun.

Camdessus berkata, sekarang adalah masanya bagi memperkenalkan peraturan itu supaya risiko berlaku lagi krisis kewangan pada masa depan dapat dihapuskan dan aliran modal baru dapat digalakkan.

"Usaha sedang dilakukan oleh IMF supaya negara boleh mengenal pasti langkah yang mereka perlu untuk melakukan liberalisasi terhadap modal akuan masing-masing dan menentukan sendiri jadual sendiri," katanya.

Diminta menjelaskan mengenai perkara itu dalam sidang akhbar petang ini, beliau berkata pembaharuan dalam sistem kewangan tidak akan berjaya jika semua negara gagal melaksanakannya.

Katanya, idea pembaharuan saja tidak mencukupi jika ia hanya dibuat dalam bentuk 'pengisytiharan yang baik' dalam mesyuarat menteri kewangan dan gabenor bank pusat atau di mana-mana persidangan dunia.

"Pembaharuan mesti dilaksanakan di semua 182 negara anggota yang menerima prinsip-prinsip yang sudah diputuskan di peringkat dunia. Dan ini memakan masa," katanya.

Ditanya kenapakah IMF mengambil masa terlalu lama untuk melakukan pembaharuan itu, Camdessus berkata, langkah-langkah perlu sudah diambil dan kemajuan dapat dilihat terutama dari segi ketelusan dan kekukuhan badan pengawasan.

"Ia bukanlah perubahan besar tetapi di peringkat asas untuk membendung kejadian yang berlaku di sini (krisis kewangan Asia) berulang lagi," katanya.

Dalam ucapannya, Camdessus berkata, kawalan modal boleh digunakan tetapi hanya untuk sementara waktu dan sebaiknya ia diikuti dengan beberapa pembaharuan asas terhadap struktur kewangan.

Katanya, pengalaman menunjukkan ekonomi sesebuah negara boleh berkembang walaupun adanya kawalan modal tetapi kawalan modal bukan faktor ekonomi berkembang.

"Pengalaman juga memberitahu kita bahawa akhirnya adalah lebih baik jika tiada kawalan tetapi bila ia (kawalan modal) hendak dihentikan, ia harus dilakukan dengan hati-hati," katanya.

(END)